

Thailand tawar harga murah kerana kelebihan pertanian, makanan laut dimanfaatkan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI  
SHAH ALAM

Kelebihan sebagai pengeluar barang pertanian dan makanan laut dimanfaatkan sepenuhnya oleh Thailand untuk menawarkan harga yang lebih rendah seterusnya menjadi tarikan kepada pelancong Malaysia.

Pakar ekonomi dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Law Siong Hook berkata, Thailand mempunyai hasil sumber laut yang baik dan produk pertanian seperti buah-buahan serta sayur-sayuran yang membolehkan peniaga menjualnya dengan harga yang lebih murah.

"Permintaan daripada pelancong adalah tinggi sebab salah satu faktor tarikan ialah makanan dan pelbagai pencuci mulut yang enak dan murah. Memang benar, dengan harga RM200 sahaja

pelancong dapat



SIONG HOOK

# 'RM200 dapat makan makanan enak di Thailand'

makanan mewah dan enak. Ada hotel yang menawarkan makanan buffet tengah hari sekitar RM25-RM30, di mana harga itu adalah murah berbanding di Malaysia.

Selain itu katanya, kos pengangkutan ke negara jiran itu lebih rendah dan mudah diakses menggunakan pengangkutan seperti kereta, kereta api dan kapal terbang, berbanding sesetengah lokasi pelancongan di negara ini.

"Faktor-faktor ini menarik pelancong dan seterusnya mendorong mereka untuk berbelanja dan memberi faedah kepada pengusaha yang terlibat dalam industri ini. Ibu negara Thailand iaitu Bangkok sendiri merupakan salah satu destinasi yang berada di tangga teratas menerima kunjungan pelancong asing dunia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahan Siong Hook, faktor itu mungkin

kan ramai rakyat negara ini melancang ke Thailand.

Ujar beliau, sebahagian rakyat Malaysia memilih alternatif lain iaitu ke utara dan bukan ke selatan kerana kadar pertukaran wang adalah tinggi berbanding ringgit di Singapura.

"Penawaran tempat penginapan di Hatyai telah sedia ada dan ia berdekatan dengan sempadan Malaysia. Bagi penduduk di negeri yang bersempadan dengan Thailand, mereka boleh memohon pas sempadan tanpa perlu pasport.

"Ia menyenangkan rentas sempadan negara dan kos pas sempadan adalah lebih rendah berbanding dengan pasport. Faktor yang lain adalah mereka ingin melawat tempat-tempat kebudayaan yang tidak sama dengan Malaysia dan hospitaliti yang berbeza.

"Bahasa juga memainkan peranan penting di mana rakyat kedua-dua negara juga boleh berkomunikasi di Hatyai dan ia bukan penghalang rakyat Malaysia ke sana," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau menyatakan jika situasi itu berterusan, sumber pendapatan para pengusaha yang terlibat dengan industri pelancongan secara langsung akan terjejas, seterus-



nya memberi kesan kepada ekonomi negara.

Katanya, permintaan terhadap Thai baht apabila pelancong ke Thailand juga akan memberi kesan kepada kadar pertukaran ringgit.

"Bila mereka berbelanja di Thailand, maka mata wang negara akan mengalir keluar. Baht menjadi lebih kukuh berbanding dengan ringgit akibat permintaan mata wang Thailand.

"Jadi, rakyat Malaysia patut mempertimbangkan destinasi pelancongan tempatan yang masih belum diterokai sepenuh-

nya. Banyak tempat menarik dan inap desa yang menawarkan harga berpatutan. Jika melancong di dalam negara, ia dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi negara dan membantu pengusaha yang terlibat dalam industri pelancongan.

"Syarikat pelancongan juga perlu berunding untuk dapatkan pakej lebih murah dan pelancong perlu buat perancangan awal supaya harga tiket serta hotel juga lebih murah," katanya.